

# Jawatan parti bukan untuk diri sendiri: PM

BH 13 JUL 1985

**P**  
KOTA BHARU, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli Umno bahawa jawatan-jawatan dalam parti bukanlah tapak merebut keistimewaan tetapi adalah tanggungjawab bagi menentukan kegiatan-kegiatan berjalan lancar.

Presiden Umno itu berkata sesiapa yang dilantik menduduki jawatan-jawatan berkenaan tidak seharusnya mengutamakan kepentingan diri kerana ia mewakili suara ramai dalam menjalankan kegiatan-kegiatan yang dijalankan.

Oleh itu, tegas beliau, ahli-ahli Umno hendaklah mengangap

pembahagian jawatan-jawatan dalam parti bukan untuk tempat seseorang menjadi pemimpin, sebaliknya tugas untuk kepentingan masyarakat keseluruhannya.

Perdana Menteri berkata mereka juga hendaklah memberi sokongan kepada kepimpinan seseorang yang dilantik ke sesuatu jawatan untuk mewujudkan suara ramai supaya dihormati oleh pihak lain.

Menurutnya, tanpa suara ramai dan sokongan semua pihak, seseorang pemimpin tidak akan dapat melaksanakan tugas dengan berkesan.

Berucap di hadapan lebih 5,000 ahli dan penyokong Umno di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa

dekat sini pagi ini, beliau berkata, sesebuah pertubuhan politik tidak akan wujud sekiranya ia ditubuhkan untuk kepentingan diri sendiri.

"Pertubuhan hanya wujud jika ia dianggotai oleh ramai penduduk dalam sesebuah negara.

"Kita hidup bukan semata-mata mencari rezeki untuk diri sendiri. Dalam sebuah masyarakat yang besar kehidupan itu tidak akan aman damai jika kita saling mengeneipkan kebajikan sesama sendiri," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sesuatu kegiatan akan dapat dijalankan dengan lebih berjaya sekiranya sekumpulan masyarakat itu bersepakat me-

laksanakannya dan mengutamakan perpaduan.

Menurutnya, mereka perlu sedar ada perkara yang harus mendahului kepentingan diri dan ada ketikanya kepentingan masyarakat sekeliling perlu diambil kira.

Beliau meminta pemimpin dan ahli-ahli Umno supaya sentiasa mengekalkan perpaduan dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

"Kita tidak boleh menerima sesuatu ketetapan yang dibuat oleh pihak ketiga umpamanya mahkamah yang mendapati sesuatu kes itu benar di sisi undang-undang kerana jika ia tidak mendapat sokongan ramai kes-kes itu tidak akan berjaya

sepenuhnya," katanya merujuk kepada keputusan Majlis Tertinggi Umno menetapkan semua pertikaian parti diselesaikan mengikut sahsaran parti.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun ahli-ahli Umno mempunyai hak untuk menyuarakan pandangan dan menyatakan pendirian masing-masing dalam sesuatu perkara, mereka perlu mematuhi segala keputusan yang ditetapkan oleh suara ramai.

"Hanya dengan langkah ini kita boleh menentukan parti dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan," ujar beliau.

Beliau mengajak rakyat supaya sanggup membuktikan tanggungjawab mereka kepada agama, bangsa dan negara dengan berusaha mempertingkatkan semangat perpaduan yang kukuh agar rakyat Malaysia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain.